

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MENGENAI  
LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA**

Saya, sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 29AA(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001, dengan ini memberitahu bahawa kawasan-kawasan di seluruh negeri Perak dan Pulau Pinang sebagai kawasan larangan pembakaran terbuka **KEQUALI** pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (*flaring*) berkuatkuasa **SERTA MERTA** sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak. Mereka yang sabit kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Berikutan dengan pengumuman ini, semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Di samping itu, orang ramai di seluruh negara juga diminta untuk memberi kerjasama untuk memadamkan kebakaran kecil serta membuat pelaporan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Alam Sekitar bagi sebarang aktiviti pembakaran terbuka yang dikesan, melalui talian telefon seperti berikut:

Jabatan Alam Sekitar : 03-8889 1972/ 1-800-88-2727

Jabatan Bomba dan Penyelamat : 03 – 8888 0336



**(DATO' HALIMAH HASSAN)**

**Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia**

**Jabatan Alam Sekitar**

**25 Jun 2013**